



SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN [SPBT]

SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (SPBT)

PENGENALAN SPBT

- Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) diwujudkan bagi memastikan pengeluar bahan tanaman mengeluarkan varieti bahan tanaman yang tulen dan berkualiti.
- Peserta Skim di bawah SPBT dikehendaki mematuhi prosedur pengeluaran bahan tanaman Jabatan Pertanian Malaysia. Pokok induk dan bahan tanaman yang diperakukan mestilah tulen, berkualiti dan memenuhi standard yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia.



KELEBIHAN SEBAGAI PESERTA SPBT

- Berpeluang menjadi pembekal bahan tanaman kepada jabatan/agensi sekiranya bahan tanaman telah diperakukan
- Meningkatkan keyakinan pembeli terhadap kualiti dan ketulenan tanaman yang dijual oleh Peserta Skim
- Menerima khidmat nasihat dan bimbingan daripada pegawai Jabatan Pertanian Malaysia

CARTA ALIR BAWAH SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN



BAGAIMANA MENYERTAI SPBT

- SPBT terbuka kepada pengeluar bahan tanaman di seluruh Malaysia. Penyertaan adalah secara sukarela dan percuma.
- Pengeluar bahan tanaman yang berminat perlu mendaftar sebagai Peserta Skim dengan mengisi Borang Permohonan Peserta Skim yang boleh dimuat turun dari Portal Rasmi Jabatan Pertanian www.doa.gov.my atau mendapatkan secara terus di alamat:

Urus setia
Skim Pengesahan Bahan Tanaman
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
Jabatan Pertanian Malaysia
Wisma Tani, Aras 7, Lot 4G2
No. 30 Persiaran Perdana
Presint 4, 62624 Putrajaya
Emel: spbtbkkt@doa.gov.my
Tel.: 03-88703448
Faks : 03-88887639